

# ifi

International Federation of Interior Architects/Designers  
(Persekutuan Arkitek/Perekabentuk Dalam Antarabangsa)

## Perisytiharan

---

Sudah menjadi sifat manusia untuk bukan sahaja menggunakan ruang, tetapi juga memenuhinya dengan sesuatu yang indah dan bermakna.

Ruang yang direkabentuk dengan mahir boleh membangkitkan keazaman atau pengertian yang mendalam dalam diri kita.

Di dalam ruang yang penting bagi kita, kita bukan sahaja dapat merasakan pertalian dengannya, tetapi juga siapa diri kita dan potensi diri kita yang sebenar. Ruang yang direkabentuk dengan teliti membantu kita belajar, merenungkan, membayangkan, membuat penemuan dan mencipta.

Ruang yang hebat sangat diperlukan bagi budaya kreatif yang hebat. Ruang tersebut memupuk hubungan antara manusia, idea dengan semua bidang pemikiran.

Sebagai perekabentuk profesional, pengetahuan kita membolehkan kita membentuk ruang yang memenuhi keperluan manusia. Ruang manusia ini menjadi domain untuk kita menzahirkan kebolehan, keghairahan dan kerja kita.

Kita menggunakan ruang dengan penuh tanggungjawab. Kita mengamalkan profesion kita dengan memastikan sumber ekonomi dan asli dunia digunakan secara mampan. Kita mereka bentuk demi kesihatan, keselamatan, kesejahteraan dan keperluan semua orang.

Pada asasnya, kita mereka bentuk untuk manusia yang merupakan klien utama kita. Kita membentuk ruang yang membentuk pengalaman manusia.

Inilah yang kita lakukan, inilah yang kita cipta dan inilah yang kita sumbangkan. Beginilah cara kita mendapat kepercayaan manusia. Sebab inilah kerja kita penting kepada klien, masyarakat dan diri kita sendiri.

Perubahan yang kita bawa menjadi sebab kita memilih profesion mulia ini.

### Nilai

Profesion ini menyediakan kepimpinan serta menggunakan proses lalaran dan interaktif yang termasuk penemuan, pentafsiran dan pengesahan, penjanaan hasil yang dapat diukur serta penambahbaikan dalam ruang dalaman dan kehidupan individu yang menggunakannya.

Proses ini memberikan kelebihan dari segi ekonomi, fungsi, estetik dan sosial yang membantu klien memahami nilai keputusan mereka serta membolehkan keputusan yang lebih baik diambil untuk manfaat pengguna dan masyarakat.

Disyorkan supaya profesion ini menjadi suara yang boleh dipercayai serta menghasilkan pelbagai model penyelidikan dalam konteks pola fizikal, emosi dan tingkah laku pengguna.



## **Relevan**

Profesion ini mendefinisikan projek pada permulaannya dan menjuarai pengalaman manusia pada semua peringkat.

Perekabentuk dalaman dan arkitek dalaman mensintesisakan ekologi manusia dan alam sekitar serta mentafsirkan sains dalam bentuk keindahan yang dapat dicerap dengan semua deria.

Pengamal mendengar, memerhatikan, menganalisis, menambah baik dan mencipta idea, visi dan ruang yang original yang mempunyai nilai yang dapat diukur.

## **Tanggungjawab**

Tanggungjawab perekabentuk dalaman dan arkitek dalaman adalah menentukan amalan dan kepakaran yang diperlukan, mendidik diri kita dan orang ramai, serta meletakkan diri kita di mata umum sebagai pakar dalam persekitaran terbina.

Tanggungjawab perekabentuk dalaman dan arkitek dalaman adalah memajukan profesion ini dan memperjuangkan kesejahteraan sosial.

## **Budaya**

Sebagai perusahaan kreatif, rekabentuk dalaman dan senibina dalaman adalah cara untuk memelihara budaya. Profesion ini merupakan pencorak tempat yang mentafsirkan, menanggapi dan mengolah modal budaya. Dalam dunia global, rekabentuk dalaman dan senibina dalaman mestilah memainkan peranan dalam memudahkan pemeliharaan kepelbagaian budaya.

## **Perniagaan**

Profesion rekabentuk dalaman dan senibina dalaman memberikan nilai kepada pihak berkepentingan.

Profesion ini meningkatkan kesejahteraan sebagai faktor pembangunan ekonomi.

Ia menyediakan kepimpinan pemikiran strategik yang menghasilkan pulangan pelaburan dalam pelbagai aspek. Perekabentuk dalaman dan arkitek dalaman menyokong pendidikan bagi memberikan manfaat dan kesedaran kepada profesion ini secara berterusan.

## **Pengetahuan**

Ilmu teori, gunaan dan tabii merupakan asas profesion rekabentuk dalaman dan senibina dalaman.

Pertembungan antara psikologi persekitaran dengan sains antropometrik adalah penting bagi membina ilmu kuantitatif dan kualitatif yang membentuk profesion rekabentuk dalaman dan senibina dalaman.

## **Identiti**

Perekabentuk dalaman dan arkitek dalaman menentukan hubungan antara individu dengan ruang berdasarkan parameter psikologi dan fizikal bagi meningkatkan kualiti hidup.

ifi - International Federation of Interior Architects/Designers  
IDA - International Design Alliance

## **PERISYTIHARAN**

---

Diisytiharkan oleh 100 peserta Simposium Global IFI, New York 2011